



GARIS PANDUAN PERMIT PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN DI SEBERANG PERAI

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
JABATAN PELESENAN**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	2
2	OBJEKTIF	2
3	DEFINISI DAN TAKRIFAN	4
4	UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH MBSP	4
5	KATEGORI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN	4
6	LOKASI YANG DIBENARKAN UNTUK PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA DAN KERUSI TAMBAHAN	5-11
7	MASA DAN KAEDAH PELETAKAN SKRIN LAYAR/ TELEVISYEN/ PAPARAN LED	11
8.	SPESIFIKASI PENDAWAIAN ELEKTRIK BAGI PEMASANGAN KANOPI, SKRIN LAYAR, TELEVISYEN DAN PAPARAN LED	13
9	LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK PELETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN	13
10	TEMPOH MASA PELETAKAN KERUSI DAN MEJA DAN TAMBAHAN	14
11	TEMPOH PERMIT	14
12	KADAR BAYARAN PERRMIT	14
13	INSURAN TANGGUNGANG AWAM	15
14	TATACARA PERMOHONAN PERMIT KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN	16
15	PENGUNAAN KANOPI BAGI PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN	16
16	SYARAT-SYARAT PERMIT PELETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN	17-22

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Perletakan kerusi dan meja tambahan di premis-premis makanan telah menjadi satu normalisasi bagi peniaga-peniaga di negara ini bagi menarik lebih ramai pelanggan ke premis perniagaan mereka. Perkara ini tidak terkecuali di kawasan Seberang Perai, Pulau Pinang.
- 1.2. Sehubungan dengan itu, pihak MBSP telah mewujudkan satu garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan MBSP dalam memantau dan mengawal berkenaan perletakan kerusi dan meja tambahan di Seberang Perai. Garis panduan ini menekankan kepada beberapa aspek seperti lokasi yang dibenarkan, masa perletakan yang dibenarkan, kadar bayaran permit dan syarat-syarat permit yang dikenakan oleh MBSP kepada pemegang permit.
- 1.3 Penyediaan garis panduan ini juga memberikan panduan yang jelas kepada peniaga-peniaga di Seberang Perai dalam mengenalpasti keperluan dan kehendak yang ditetapkan MBSP bagi mendapatkan permit perletakan kerusi dan meja tambahan.
- 1.4 Pihak MBSP mengharapkan supaya garis panduan ini menjadi satu dokumen yang membantu semua pihak terutamanya peniaga-peniaga Seberang Perai.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Objektif utama penyediaan garis panduan ini adalah untuk:-
 - i. Memberikan panduan kepada kakitangan MBSP dalam melaksanakan aktiviti pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan perletakan kerusi dan meja tambahan di premis-premis makanan dan penjaja.
 - ii. Menjadi rujukan peniaga-peniaga untuk membuat permohonan permit perletakan kerusi dan meja tambahan.
 - iii. Menyeragamkan pelaksanaan perletakan kerusi dan meja tambahan di Seberang Perai.

3.0 DEFINISI DAN TAKSIRAN

3.1 Bagi tujuan garis panduan ini, definisi dan taksiran bagi istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:-

Istilah	Keterangan
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Kerajaan Tempatan ditafsirkan sebagai mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dan mengikut mana-mana berkenaan.
Tempat awam	Mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.
Siar kaki	Siar kaki (kaki lima) premis perniagaan adalah merujuk kepada laluan pejalan kaki yang dilekukkan di aras bawah sesebuah bangunan dari jalan, agar aras-aras yang menganjur di atas boleh meneduh pejalan kaki dari cuaca buruk. Walau bagaimanapun, definisi di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 juga terpakai.
Petak khas	Petak letak kereta yang disewakan khas kegunaannya kepada orang awam dengan bayaran tertentu.
Pemunya	(a) Berhubungan dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya tuan punya berdaftar tanah itu dan jika, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, tuan punya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan ertinya orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu disewakan kepada seorang tenant; dan (b) Mengenai bangunan-bangunan yang dipecah bahagi,

	termasuklah perbadanan pengurusan dan mana-mana tuan punya subsidiari;
Tempat Letak Kereta (TLK)	Petak yang di tanda dalam sesuatu tempat letak kereta bagi meletak satu kenderaan motor;
Insuran Tanggungan Awam	Insuran Tanggungan Awam adalah untuk melindungi orang yang diinsurankan dengan mengambilkira liabiliti sah untuk membayar pampasan bagi kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan/ kematian, harta benda awam akibat kemalangan disebabkan oleh kecuaiian orang yang diinsurankan atau pekerja beliau atau oleh kecacatan pada premis atau mana-mana pihak ketiga dan termasuk bayaran perundangan dan perbelanjaan.

4.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH MBSP

4.1 Antara undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MBSP adalah seperti berikut:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- iii. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- iv. Undang - Undang Kecil Penjaja (MPSP) 1991
- v. Undang – Undang Kecil Bangunan Seragam Negeri Pulau Pinang 1986
- vi. Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995

5.0 KATEGORI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

- i. Premis makanan di lot kedai atau sesebuah dalam skim perniagaan yang berlesen.
- ii. Premis makanan di luar skim perniagaan yang berlesen.
- iii. Penjaja makanan dan minuman berlesen. (tertakluk kepada lokasi dan jenis jualan yang bersesuaian sahaja).
- iv. Premis yang terlibat dalam penyediaan atau penjualan makanan dan/ atau minuman.

6.0 LOKASI YANG DIBENARKAN UNTUK PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

6.1 PREMIS PERNIAGAAN

a) Siar Kaki (Kaki Lima) Premis

- i. Pemilik perniagaan hendaklah memastikan terdapat ruang pejalan kaki dan laluan Orang Kurang Upaya (OKU) sekurang-kurangnya satu (1) meter dan tidak dihalang dengan perletakan kerusi dan meja tambahan.
- ii. Perletakan kerusi dan meja tambahan dibenarkan di siar kaki (kaki lima) di hadapan dan sisi premis perniagaan.
- iii. Perletakan kerusi dan meja tambahan di hadapan premis bukan milik peniaga/pemohon hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik premis tersebut.
- iv. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- v. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas siar kaki (kaki lima) premis, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

b) Dalam Tempat Letak Kenderaan (TLK) MBSP

- i. Perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah di dalam TLK sahaja.
- ii. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi dan meja tambahan melebihi garisan TLK.
- iii. Pertimbangan kelulusan akan diberikan untuk TLK yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi dan tertakluk kepada ulasan teknikal MBSP.
- iv. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di dalam TLK, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan atau permintaan yang tinggi bagi penggunaan TLK.
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.

- vi. Perletakan kerusi dan meja tambahan di seberang jalan atau secara selari dengan perletakan kerusi dan meja tambahan yang merapati premis adalah dibenarkan tertakluk kepada ulasan teknikal dan keadaan semasa dilokasi.
- vii. Kerusi dan meja tambahan tidak dibenarkan ditinggalkan di lokasi yang diluluskan selepas tempoh operasi perniagaan, termasuk di bahu jalan dan kawasan awam sekitarnya. Peralatan yang ditinggalkan tanpa kebenaran boleh disita.
- viii. Permit yang telah diluluskan akan dibatalkan tanpa pemulangan bayaran sekiranya terdapat aduan berasas atau berlaku pelanggaran syarat permit.
- ix. Perletakan kerusi dan meja tambahan di atas bahu jalan berhadapan/ bersebelahan TLK adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut tertakluk kepada ulasan teknikal.
- x. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.

c) Bahu Jalan

- i. Perletakan kerusi dan meja tambahan bagi tujuan perniagaan hanya dibenarkan di atas jalan bandaran dan jalan susur yang dibawah selenggaraan MBSP, tertakluk kepada kelulusan majlis. Perletakan di atas jalan-jalan utama, jalan persekutuan, jalan negeri atau mana-mana jalan selain jalan bandaran adalah tidak dibenarkan.
- ii. Had maksima penyusunan yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan di atas bahu jalan adalah tidak melebihi satu (1) barisan.
- iii. Perletakan kerusi dan meja tambahan melebihi satu barisan di bahu jalan yang mempunyai kelebaran jalan bersesuaian adalah tertakluk kepada kelulusan majlis.
- iv. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.

- vi. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas bahu jalan, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

d) Atas Jalan Susur

- i. Had maksima penyusunan yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan di atas jalan susur adalah tidak melebihi satu (1) barisan. Walau bagaimanapun, Majlis boleh membenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan melebihi satu (1) barisan untuk jalan-jalan tertentu, tempat sedia ada yang tiada isu lalulintas, jalan sehalu atau di jalan yang tiada kesesakan lalu lintas.
- ii. Bagi premis lot tepi (*corner lot*), kerusi dan meja tambahan hendaklah tidak menyebabkan gangguan pengguna jalan atau menyebabkan halangan kepada lalu lintas jalan tersebut.
- iii. Perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah merapati premis perniagaan sahaja.
- iv. Perletakan kerusi dan meja tambahan tidak dibenarkan di jalan belakang premis dan di lorong tengah antara bangunan / sisi premis (bagi premis lot hujung).
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- vi. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas jalan susur, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.
- vii. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.
- xi. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.

6.2 PENJAJA

a) Siar Kaki (Kaki Lima) Premis

- i. Penjaja Pemilik perniagaan hendaklah memastikan terdapat ruang pejalan kaki dan laluan Orang Kurang Upaya (OKU) sekurang-kurangnya satu (1) meter dan tidak dihalang dengan perletakan kerusi dan meja tambahan.
- ii. Perletakan kerusi dan meja tambahan dibenarkan di siar kaki (kaki lima) di hadapan dan sisi premis perniagaan.
- iii. Perletakan kerusi dan meja tambahan di hadapan premis bukan milik peniaga/pemohon hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik premis tersebut.
- iv. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- v. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas siar kaki (kaki lima) premis, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

b) Jalan Susur / Jalan Mati / Hujung Jalan

- i. Had maksima penyusunan yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan di atas jalan susur adalah tidak melebihi satu (1) barisan. Walau bagaimanapun, MBSP boleh membenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan melebihi satu (1) barisan untuk jalan-jalan tertentu, tempat sedia ada yang tiada isu, jalan sehalu, di jalan yang tiada kesesakan lalu lintas atau di jalan mati.
- ii. Perletakan kerusi dan meja tambahan di atas jalan hujung yang mempunyai *cul-de-sec* tidak dibenarkan.
- iii. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan atau lampu keselamatan yang sewajarnya untuk pelanggan dan pekerjaanya.
- iv. Perletakan hendaklah tertakluk kepada budi bicara Jabatan dan kes-kes tertentu.
- v. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.

- vi. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- vii. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas jalan susur/ jalan mati dan hujung jalan, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

c) Dalam Tempat Letak Kenderaan (TLK) MBSP

- i. Perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah di dalam TLK sahaja.
- ii. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi dan meja tambahan melebihi garisan TLK.
- iii. Pertimbangan kelulusan akan diberikan untuk TLK yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi dan tertakluk kepada ulasan teknikal MBSP.
- iv. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di dalam TLK, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan atau permintaan yang tinggi bagi penggunaan TLK.
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- vi. Perletakan kerusi dan meja tambahan di seberang jalan atau secara selari dengan perletakan kerusi dan meja tambahan yang merapati premis adalah dibenarkan tertakluk kepada ulasan teknikal dan keadaan semasa dilokasi.
- vii. Kerusi dan meja tambahan tidak dibenarkan ditinggalkan di lokasi yang diluluskan selepas tempoh operasi perniagaan, termasuk bahu jalan dan kawasan awam sekitarnya. Peralatan yang ditinggalkan tanpa kebenaran boleh disita.
- viii. Permit yang telah diluluskan akan dibatalkan tanpa pemulangan bayaran sekiranya terdapat aduan berasas.
- ix. Perletakan kerusi dan meja tambahan di atas bahu jalan berhadapan/ bersebelahan TLK adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut tertakluk kepada ulasan teknikal.

- x. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.
- xi. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- xii. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di dalam Tempat Letak Kenderaan (TLK) MBSP , pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

c) Bahu Jalan

- i. Perletakan kerusi dan meja tambahan bagi tujuan perniagaan hanya dibenarkan di atas jalan bandaran dan jalan susur yang dibawah selenggaraan MBSP, tertakluk kepada kelulusan majlis. Perletakan di atas jalan-jalan utama, jalan persekutuan, jalan negeri atau mana-mana jalan selain jalan bandaran adalah tidak dibenarkan.
- ii. Had maksima penyusunan yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan di atas bahu jalan adalah tidak melebihi satu (1) barisan.
- iii. Perletakan kerusi dan meja tambahan melebihi satu barisan di bahu jalan yang mempunyai kelebaran jalan bersesuaian adalah tertakluk kepada kelulusan majlis.
- iv. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- vi. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di atas bahu jalan, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

d) Kawasan Lapang atau Tanah Persendirian

- i. Perletakan kerusi dan meja tambahan hanya dibenarkan di dalam kawasan lapang sahaja.
- ii. Penjaja hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah jika melibatkan tanah persendirian.
- iii. Tidak menyebabkan halangan kepada kenderaan atau lalu lintas di dalam kawasan lapang tersebut.
- iv. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan sila rujuk perkara 8.0.
- v. Pemegang permit bertanggungjawab meletakkan papan tanda keselamatan, kon keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
- vi. Bagi perletakan kerusi dan meja tambahan yang telah diluluskan permit di kawasan lapang atau tanah persendirian, pihak MBSP mempunyai hak untuk menyemak semula kelulusan dan membatalkan permit tanpa pemulangan bayaran yang telah dibuat sekiranya terdapat aduan berasas.

6.3 Pihak MBSP boleh membenarkan lokasi-lokasi lain yang tidak terdapat di dalam garis panduan ini tertakluk kepada kesesuaian lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.

7.0 MASA DAN KAEDAH PERLETAKAN SKRIN LAYAR / TELEVISYEN / PAPARAN LED

- i) Tempoh masa yang dibenarkan bagi perletakan skrin layar / televisyen / paparan LED di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan adalah mengikut masa perletakan kerusi dan meja tambahan.
- ii) Skrin layar / televisyen / paparan LED hendaklah disimpan selepas masa perletakan kerusi dan meja tambahan. Tidak dibenarkan meletakkan skrin layar / televisyen / paparan LED secara kekal.
- iii) Skrin layar / televisyen / paparan LED hanya boleh dipasang di lokasi yang telah diluluskan sahaja.
- iv) Pemasangan skrin layar / televisyen / paparan LED hendaklah kukuh dan tidak membahayakan orang awam.
- v) Pemegang permit perlu memastikan peletakan skrin layar ini tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk dan mengganggu lalulintas.

- vi) Sebarang kemalangan yang berlaku berpunca daripada peletakan skrin layar ini adalah di bawah tanggungjawab pemegang permit.
- vii) Kekukuhan struktur adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
- viii) Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kerosakan harta kerajaan yang berlaku akibat peletakan skrin layar ini.
- ix) Pemasangan skrin layar / televisyen / paparan LED di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mematuhi syarat di perkara 8.0.

8.0 SPESIFIKASI PENDAWAIAN ELEKTRIK BAGI PEMASANGAN LAMPU, SKRIN LAYAR, TELEVISYEN DAN PAPARAN LED

8.1 Pemasangan Lampu

- a) Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang mencukupi. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pencahayaan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan, peniaga / pemohon hendaklah menyediakan dokumen – dokumen semasa permohonan seperti berikut;
 - i. Mengemukakan pelan lakaran lengkap dengan butiran cadangan lampu tambahan dan pelan lakaran penyusunan kerusi dan meja tambahan kepada MBSP.
 - ii. Mengemukakan sijil kontraktor bertauliah yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga.
- b) Penggunaan lampu mudah alih dan solar hanya dibenarkan yang disahkan oleh SIRIM sahaja.
- c) Penggunaan set penjana (generator set) boleh digunakan tetapi pemegang permit hendaklah bertanggungjawab ke atas penggunaan dan keselamatan orang awam.
- d) Pemasangan wayar di atas jalan tidak dibenarkan dan hanya dibenarkan pemasangan secara talian atas (*overhead line*) dengan ketinggian minima tujuh (7) meter dari aras jalan.
- e) Pemasangan wayar dan lampu tambahan hendaklah tidak mengganggu lalulintas.
- f) Pemasangan wayar dan lampu tambahan tidak dibenarkan disambung dan dipasang di tiang lampu jalan milik MBSP.

8.2 Pemasangan Skrin Layar, Televisyen Dan Paparan LED

- a) Sekiranya terdapat pemasangan skrin layar, televisyen dan paparan LED di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan, peniaga / pemohon hendaklah menyediakan dokumen – dokumen semasa permohonan seperti berikut;
 - i. Mengemukakan pelan pemasangan elektrik sebelum kerja-kerja dilaksanakan di tapak.
 - ii. Pemasangan yang melibatkan elektrik perlu dilakukan oleh kontraktor yang berkelayakan/bertauliah oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).
- b) Segala kos pemasangan, penyelenggaraan dan bil elektrik bulanan perlu ditanggung oleh peniaga/pemohon.
- c) Peniaga/pemohon tidak dibenarkan membuat sebarang tambahan atau pindaan atau meruntuhkan mana-mana bahagian tiang MBSP yang terlibat dan tidak boleh mengganggu sistem lampu jalan awam sekiranya pemasangan berhampiran tiang lampu jalan MBSP.
- d) Setiap bekalan elektrik perlu diasingkan dan tidak boleh diambil daripada akaun MBSP.
- e) Pemasangan wayar di atas jalan tidak dibenarkan dan hanya dibenarkan pemasangan secara talian atas (overhead line) dengan ketinggian minima tujuh (7) meter dari aras jalan.
- f) Pemasangan wayar dan lampu tambahan hendaklah tidak mengganggu lalulintas.
- g) Pemasangan wayar dan lampu tambahan tidak dibenarkan disambung dan dipasang di tiang lampu jalan milik MBSP.

9.0 LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

- i. Kawasan atas rumput atau kawasan landskap termasuk kawasan rumput yang telah disimenkan / ditarkan oleh mana-mana pihak.
- ii. Kawasan atas parit slap atau *manhole*.
- iii. Mana-mana jalan dan tempat petak letak kereta (mengikut ulasan Jabatan Teknikal) adalah jalan dan tempat letak kereta yang sibuk serta mempunyai permintaan yang tinggi.
- iv. Kawasan yang berhampiran sehingga menghalang pili bomba, berhampiran tandas awam, depo sampah dan papan tanda jalan. Berdekatan ramp OKU dan jubin (*tactile*) OKU
- v. Mana-mana jalan utama atau mana-mana jalan selain jalan bandaran di bawah seliaan Majlis.

- vi. Sisi atau tepi premis bagi premis lot hujung (*end lot*) kecuali bagi premis sedia ada yang telah diberikan kelulusan.
- vii. Belakang premis perniagaan kecuali bagi premis-premis perniagaan tertentu yang bersesuaian.
- viii. Dalam tempat letak kenderaan (TLK) Orang Kurang Upaya (OKU).
- ix. Dalam tempat letak motosikal
- x. Tempat-tempat lain yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.

10.0 TEMPOH MASA PELETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

10.1 Dalam petak TLK MBSP

- i) Tempoh masa yang dibenarkan :
Bermula jam 7.00 malam hingga sebelum jam 7.00 pagi keesokan harinya.
(*Bilangan kerusi meja mengikut kesesuaian lokasi dan premis*).
- ii) Selain dari tempoh masa tersebut tidak dibenarkan.

10.2 Kawasan selain TLK MBSP

- i) Tiada had atau spesifik masa ditetapkan bagi perletakan kerusi dan meja tambahan di luar kawasan selain TLK MBSP.
- ii) Walau bagaimanapun, pihak MBSP berhak untuk menetapkan spesifik atau had masa kepada peniaga tertakluk kepada keperluan.

11.0 TEMPOH PERMIT

- Tempoh permit dibenarkan adalah maksimum enam (6) bulan dan boleh diperbaharui.

12.0 KADAR BAYARAN PERMIT

- i. Kadar bayaran permit yang dikenakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah sebanyak RM 30.00 untuk satu meja bagi tempoh 1 bulan.
- ii. Kadar bayaran permit yang dikenakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah sebanyak RM 50.00 untuk perletakan skrin layar, televisyen dan paparan LED bagi tempoh sebulan.
- iii. Bayaran cagaran adalah seperti yang berikut :

Bil	Bilangan Meja Yang Dipohon	Cagaran (RM)
1.	1 – 10 meja	RM300.00
2.	11 – 20 meja	RM400.00
3.	21 – 30 meja	RM500.00
4.	30 meja dan ke atas	RM600.00

Nota : Bayaran wang cagaran akan dikembalikan tertakluk kepada pematuhan syarat permit.

13.0 INSURANS TANGGUNGAN AWAM

- i. Pemohon hendaklah mengambil dan mempunyai perlindungan insurans tanggungan awam (*Public Liability*) bernilai RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu Sahaja). Polisi insurans hendaklah berkuatkuasa dan sah dalam tempoh permit perletakan kerusi dan meja tambahan dikeluarkan oleh MBSP.
- ii. Penama Pihak Diinsuranskan (*the insured*) dalam polisi insurans tanggungan awam (*Public Liability*) hendaklah didaftarkan seperti berikut:
 - a) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dinamakan sebagai pemilik (*Owner*);
 - b) Pemilik premis dinamakan sebagai penyewa (*Tenant*).
- iii. Pemohon hendaklah mengambil dan mempunyai perlindungan insurans tanggungan awam (*Public Liability*) yang meliputi dua (2) elemen utama berikut:
 - a) Kerosakan harta benda pihak ketiga (*Damage to Third Party Property*); dan
 - b) Kecederaan tubuh badan termasuk kematian kepada pihak ketiga (*Bodily Injury including Death to Third Party*).
- iv. Pemohon perlu memastikan alamat risiko yang dinyatakan di dalam polisi insurans adalah spesifik, lengkap dan tepat berdasarkan lokasi sebenar perletakan meja tambahan. Contoh: Di dalam petak parkir bernombor 5 hingga 7 hadapan premisrestoran beralamat No.2A Jalan Betik Manis, Taman Betik Manis, 14000 Bukit Mertajam.
- v. Pada bahagian kegunaan (*Occupied As*) dalam polisi, hendaklah dinyatakan kegunaan premis selaras dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan (contohnya: restoran/ kedai makan/ kafe).
- vi. Polisi insurans Tanggungan Awam (*Public Liability*) yang diambil hendaklah tidak hanya melibatkan perlindungan insurans tanggungan awam semata-mata. Pemohon wajib menambah perlindungan Insurans Kebakaran (*Fire Insurance*) dan Insurans Kecurian (*Burglary Insurance*) di dalam polisi yang sama.
- vii. Had Tanggungan (*Limit of Liability*) polisi insurans bagi perlindungan insurans tanggungan awam hendaklah mempunyai had tanggungan seperti berikut:
 - a) Bagi setiap kejadian (*Any One Accident / Occurrence*): minimum RM500,000.00
 - b) Had tanggungan terkumpul bagi setiap tempoh insurans (*Any One Period of Insurance – Aggregate Limit*): Tiada Had (*Unlimited*).
- viii. Pemegang lesen hendaklah mengambil Insuran *All Risk* dan Insuran Tanggungan Awam sebagaimana yang dikehendaki di dalam syarat pelesenan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan.
- ix. Polisi insuran hendaklah kekal sah laku sehingga tamat tempoh lesen.

- x. Apa-apa insuran yang diambil oleh pemegang lesen hendaklah diambil dengan kos dan perbelanjaan pemegang lesen dan salinannya hendaklah dikemukakan kepada MBSP sebagai bukti.
- xi. Pemegang lesen hendaklah tidak, pada bila-bila masa, membenarkan atau menyebabkan suatu tindakan atau perkara dilakukan yang boleh mengakibatkan polisi insuran menjadi tidak sah atau terbatal atau boleh batal atau kadar premium menjadi lebih tinggi.
- xii. Pemegang lesen bersetuju tanpa syarat untuk menanggung rugi MBSP daripada dan terhadap segala bayaran, tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian dan perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas MBSP sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung dari pelanggaran syarat pelesenan.
- xiii. Bagi premis perniagaan yang membuat pemasangan elektrik atau lampu tambahan di tempat perletakan meja tambahan, peniaga hendaklah mengambil polisi perlindungan *Contractor All Risks*.

14.0 TATACARA PERMOHONAN PERMIT KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

Sila layari sesawang Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (SPEEDBiz) di laman sesawang <https://speedbiz.mbsp.gov.my/login>.

15.0 PENGGUNAAN KANOPI BAGI PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

- 15.1. Bagi peniaga di premis perniagaan dan penjaja yang menggunakan kanopi bagi perletakan kerusi dan meja tambahan, peniaga / penjaja adalah tertakluk kepada keperluan permohonan permit kanopi.
- 15.2. Perletakan kanopi hanya dibenarkan di kawasan premis yang tidak mempunyai permintaan TLK tinggi dan di kawasan-kawasan bersesuaian tertakluk kepada ulasan teknikal MBSP.
- 15.3. Penggunaan kanopi di kawasan persendirian juga tertakluk kepada keperluan permohonan permit kanopi.
- 15.4. Kadar bayaran permit kanopi yang dikenakan adalah :
 - Keluasan dalam meter persegi
9 meter
 - Atau
 - Caj minima yang dikenakan adalah RM 100.00 / kanopi

16.0 SYARAT – SYARAT PERMIT PERLETAKAN KERUSI DAN MEJA TAMBAHAN

1. Permit perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan dan penguatkuasa MBSP.
2. Pemegang permit hendaklah menjelaskan bayaran permit serta bayaran-bayaran lain yang dikenakan oleh MBSP.
3. Perlindungan insurans tanggungan awam (*Public Liability*) perlu mempunyai butiran perincian seperti yang dinyatakan di para 13.0 dalam Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi Dan Meja Tambahan Di Seberang Perai.
4. Perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku permit yang dikeluarkan sahaja. Perletakan kerusi dan meja tambahan tanpa permit atau permit tamat tempoh adalah tidak dibenarkan.
5. Perletakan kerusi dan meja tambahan hanya dibenarkan dalam tempoh waktu yang ditetapkan oleh MBSP sahaja mengikut Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan. Tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja tambahan di luar tempoh masa yang ditetapkan.

a) Dalam petak TLK MBSP


- i. Tempoh masa yang dibenarkan :
Bermula jam 7.00 malam hingga sebelum jam 7.00 pagi keesokan harinya. (*Bilangan kerusi meja mengikut kesesuaian lokasi dan premis*)
- ii. Selain dari tempoh masa tersebut tidak dibenarkan

b) Kawasan selain TLK MBSP

- i. Tiada had atau spesifik masa ditetapkan bagi perletakan kerusi dan meja tambahan di luar petak parkir kenderaan MBSP.
 - ii. Walau bagaimanapun, pihak MBSP berhak untuk menetapkan spesifik atau had masa kepada peniaga tertakluk kepada keperluan.
6. Perletakan kerusi dan meja tambahan di atas siar kaki (kaki lima) premis perniagaan hendaklah mempunyai ruang pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU) sekurang-kurangnya satu (1) meter dan tidak dihalang dengan perletakan kerusi dan meja tambahan.
 7. Perletakan kerusi dan meja tambahan di hadapan premis bukan milik pemegang permit hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik premis tersebut.

8. Perletakan kerusi dan meja tambahan hanya dibenarkan di dalam lokasi perletakan yang dibenarkan sahaja. Perletakan diluar kawasan dibenarkan adalah satu kesalahan.
9. Perletakan kerusi dan meja tambahan di hendaklah tidak melebihi garisan TLK .
10. Pemegang permit tidak dibenarkan membuat binaan di atas *sensor* TLK yang terdapat di atas TLK. Sekiranya berlaku kerosakan *sensor* semasa perletakan kerusi dan meja tambahan, pemohon perlu bertanggungjawab untuk menanggung kos baik pulih kerosakan *sensor* tersebut.
11. Sekiranya pihak MBSP mendapati kawasan yang telah diluluskan permit mempunyai aduan atau permintaan yang tinggi bagi kegunaan awam, pihak MBSP berhak membatalkan permit perletakan kerusi dan meja tambahan di kawasan yang telah diluluskan tanpa pemulangan bayaran permit.
12. Perletakan kerusi dan meja tambahan di atas kawasan / lokasi yang tidak dibenarkan di dalam Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan di Seberang Perai adalah satu kesalahan.
13. Kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan hendaklah mempunyai pencahayaan yang terang dan cerah serta tidak merbahaya kepada orang awam.
14. Pemegang permit hendaklah mematuhi keperluan dan garis panduan spesifikasi pendawaian elektrik yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan di Seberang Perai sekiranya terdapat pemasangan lampu tambahan, skrin layar, televisyen dan paparan LED di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan.
15. Pemegang permit perlu memasang papan tanda keselamatan, kon keselamatan, rantai / tali keselamatan dan lampu keselamatan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan. Pemasangan perlu dibuat pada tempoh masa yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja tambahan sahaja.
16. Pemegang permit perlu menyediakan perkhidmatan pengawasan daripada pasukan RELA jika perlu atau diarahkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.
17. Pemegang permit perlu memastikan pekerja memakai peralatan keselamatan yang bersesuaian dan sentiasa berhati-hati semasa menghantar makanan di seberang jalan untuk mengelakkan sebarang kemalangan.
18. Pemegang permit tidak dibenarkan untuk meninggalkan di lokasi perletakan kerusi dan meja tambahan yang diluluskan termasuk di bahu jalan dan kawasan awam sekitarnya selepas operasi perniagaan. Kerusi dan meja tambahan tersebut hendaklah disimpan di dalam premis perniagaan.

19. Perletakan kerusi dan meja tambahan tidak boleh menimbulkan apa-apa aktiviti kacau ganggu terutamanya bunyi bising yang melampau sehingga mengganggu ketenteraman awam berdekatan atau bersebelahan.
20. Tidak dibenarkan membuat sebarang binaan tambahan tanpa kelulusan MBSP di kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan. Kelulusan struktur binaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada MBSP.
21. Pemegang permit hendaklah bertanggungjawab mengawal aliran lalu lintas di kawasan perletakan kerusi dan meja tambahan bagi mengelakkan kesesakan dan kemalangan jalan raya yang mungkin berlaku disebabkan perletakan kerusi dan meja tambahan.
22. Pemegang permit hendaklah memasang papan tanda **“Semua Kemalangan Yang Berlaku Di Kawasan Ini Adalah Di Bawah Tanggungjawab Pihak Restoran / Gerai Makanan”**. Papan tanda ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai. Saiz papan tanda ini perlulah berukuran W33cm (lebar) x H25cm (tinggi).



23. Aktiviti memasang sinki dan mencuci pinggan mangkuk di luar premis adalah tidak dibenarkan.
24. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa menjaga kebersihan kawasan di perletakan kerusi dan meja tambahan pada setiap masa.
25. Kawasan yang digunakan perletakan kerusi dan meja tambahan tidak boleh dipagar atau dijadikan hak milik persendirian. Status kawasan tersebut hendaklah masih kekal sebagai kawasan awam.
26. Pihak MBSP tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang pampasan ke atas sebarang kemalangan atau kerosakan / kehilangan harta benda yang mungkin berlaku dalam kawasan perletakan kerusi dan meja

tambahan. Pemegang permit hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kemalangan / kerosakan / kehilangan harta benda yang berlaku.

27. Bilangan kerusi dan meja tambahan / skrin layan / televisyen / paparan LED yang diletakkan hendaklah mengikut jumlah yang diluluskan oleh MBSP sahaja.
28. Perletakan kerusi dan meja tambahan perlu diletakkan mengikut susunan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan di Seberang Perai.
29. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi dan meja tambahan di lorong-lorong sisi bagi premis jenis lot hujung (*end lot*) dan lorong belakang premis perniagaan kecuali bagi premis sedia ada yang telah diberikan kelulusan.
30. Pemohon hendaklah mengambil dan mempunyai perlindungan insuran tanggungan awam (*Public Liability*) bernilai RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu Sahaja). Polisi insuran hendaklah berkuatkuasa dan sah dalam tempoh permit perletakan kerusi dan meja tambahan dikeluarkan oleh MBSP.
31. Pemegang lesen hendaklah mengambil Insuran *All Risk* dan Insuran Tanggungan Awam sebagaimana yang dikehendaki di dalam syarat pelesenan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan.
32. Apa-apa insuran yang diambil oleh pemegang lesen hendaklah diambil dengan kos dan perbelanjaan pemegang lesen dan salinannya hendaklah dikemukakan kepada MBSP sebagai bukti.
33. Pemegang lesen hendaklah tidak, pada bila-bila masa, membenarkan atau menyebabkan suatu tindakan atau perkara dilakukan yang boleh mengakibatkan polisi insuran menjadi tidak sah atau terbatal atau boleh batal atau kadar premium menjadi lebih tinggi.
34. Pemegang lesen bersetuju tanpa syarat untuk menanggung rugi MBSP daripada dan terhadap segala bayaran, tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian dan perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas MBSP sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung dari pelanggaran syarat pelesenan.
35. Perletakan kerusi meja di atas tempat letak kereta hendaklah tidak menghalang pandangan pemandu bagi mengelakkan gangguan lalulintas dan memastikan keselamatan pengguna jalan raya.
36. Pemegang permit hendaklah bertanggungjawab mengawal aliran lalulintas serta perletakan kenderaan pengunjung di kawasan premis perniagaan bagi mengelakkan isu kesesakan dan kemalangan yang mungkin berlaku.

37. Pemegang permit tidak dibenarkan membuat penutupan jalan tanpa kebenaran MBSP.
38. Sekiranya terdapat kerja-kerja pendaiwaan tambahan di premis berkaitan perletakan kerusi dan meja tambahan, pemasangan skrin layar, televisyen dan paparan LED, pemegang permit hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:
- i. Mengemukakan pelan lakaran lengkap dengan butiran cadangan lampu tambahan dan pelan lakaran penyusunan kerusi dan meja tambahan kepada MBSP sebelum kerja-kerja dilaksanakan di tapak.
 - ii. Pemasangan yang melibatkan elektrik perlu dilakukan oleh kontraktor yang berkelayakan/bertauliah oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan mengemukakan sijil kontraktor bertauliah yang diiktiraf ST.
 - iii. Penggunaan lampu mudah alih dan solar hanya dibenarkan yang disahkan SIRIM sahaja.
 - iv. Penggunaan set penjana (*generator set*) boleh digunakan tetapi pemegang permit hendaklah bertanggungjawab ke atas penggunaan dan keselamatan orang awam.
 - v. Pemasangan wayar di atas jalan tidak dibenarkan dan hanya dibenarkan pemasangan secara talian atas (*overhead line*) dengan ketinggian minima tujuh (7) meter dari aras jalan.
 - vi. Pemasangan wayar dan lampu tambahan hendaklah tidak mengganggu lalulintas.
 - vii. Pemasangan wayar dan lampu tambahan tidak dibenarkan disambung dan dipasang di tiang lampu jalan milik MBSP.
 - viii. Segala kos pemasangan, penyelenggaraan dan bil elektrik bulanan perlu ditanggung oleh pihak pemohon.
 - ix. Pemegang permit tidak dibenarkan membuat sebarang tambahan atau pindaan atau meruntuhkan mana-mana bahagian tiang MBSP yang terlibat dan tidak boleh mengganggu sistem lampu jalan awam sekiranya pemasangan berhampiran tiang lampu jalan MBSP.
 - x. Setiap bekalan elektrik perlu diasingkan dan tidak boleh diambil daripada akaun MBSP.
 - xi. Pemohon perlu memastikan peletakan skrin layar ini tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk dan mengganggu lalulintas.
 - xii. Sebarang kemalangan yang berlaku berpunca daripada peletakan skrin layar ini adalah di bawah tanggungjawab pihak pemohon.
 - xiii. Kekukuhan struktur adalah di bawah tanggungjawab pemohon.

xiv. Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kerosakan harta kerajaan yang berlaku akibat peletakan skrin layar ini.

39. Mematuhi semua ketetapan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permit Perletakan Kerusi dan Meja Tambahan di Seberang Perai.
40. Mematuhi notis atau arahan yang dikeluarkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.
41. Sekiranya lokasi cadangan perletakan kerusi meja berada di bawah selenggraan badan pengurusan bersama (JMB) atau jawatankuasa pengurusan (MC), pemegang permit hendaklah merujuk dengan badan pengurusan tersebut.



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Pelesenan

**Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara
Bandaraya Jalan Perda Utama Bandar
Perda, 14000 Bukit Mertajam**

Tel: 04-5497685

pelesenan@mbsp.gov.my